

MAYBANK WESTERN UNION® MONEY TRANSFERSM SERVICE IS PROVIDED ON THE FOLLOWING TERMS AND CONDITIONS

1. DEFINITIONS AND INTERPRETATIONS

In these Terms and Conditions, unless the context requires otherwise, references to "we", "us", "our" and "Bank" are to Malayan Banking Berhad and Maybank Islamic Berhad, and references to "you", "your" or "Customer" means the customer of the Bank using the fund transfer service of Western Union to Western Union Service Provider/Agents outside of Malaysia.

"Current Account" means any Maybank current account maintained by the Sender.

"Savings Account" means any Maybank savings account maintained by the Sender.

"Service Provider/Agent" means service from providers of Western Union-branded money transfer services.

"Goods and Services Tax (GST)" means any tax payable on the supply of goods, services or other things in accordance with the provisions of the GST Law.

"GST Law" means the Goods and Services Tax Act 2014, subsidiary registrations, statutory orders and regulations governing the application of GST, as amended from time to time.

"Foreign Exchange" means money transfer payments made in the currency of the destination country.

"Service Fee" means the fees charged by us to you for making a Money Transfer.

"Money Transfer" means the monies which is sent by the Sender to the Receiver through the Maybank Western Union® Money TransferSM service.

"Sender" means you as an individual who request a Maybank Western Union Money Transfer Service to send a money transfer to the Receiver.

"Receiver" means the individual designated by you to receive the Money Transfer.

2. AGREEMENT

2.1 This agreement is between you and us, offering the service in conjunction with WESTERN UNION ("Western Union") to provide you with the MAYBANK WESTERN UNION® MONEY TRANSFERSM service.

2.2 Maybank Western Union® Money TransferSM transactions can be sent and collected in cash (the "cash to cash" service) at Service Providers/Agents, Customers may call the Western Union Customer Service line at 1800-81-3399 for the address and operating hours of Service Providers/Agents. Some locations are open 24 hours.

- 2.3 Money Transfers are usually available within minutes for pick up by the Receiver, subject to the opening hours of the receiving Service Provider/Agent. Exceeding amount limitations, regulatory restrictions or other restrictions in certain countries may delay the transaction.
- 2.4 Money Transfers will be paid in cash. Some Service Providers/Agents may however pay by cheque or a combination of cash and cheque or may offer or the Receiver may choose other ways to receive funds and some money transfers may be paid directly to accounts. All cash payments are subject to availability, Receivers showing documentary evidence of their identity and providing all details about the money transfer required by Western Union, including the Sender's and the Receiver's names, the Receiver's ID, country of origin, approximate sum, money transfer control number (MTCN), test question and answer (for South Africa only) and any other conditions or requirements applicable at the Service Provider/Agent location. You authorize Western Union to honor the Receiver's choice of method to receive funds even if it differs from yours. Cash money transfers shall be paid to the person that Service Providers/Agents deem entitled to receive the transaction after verification of identity often through examination of identification documents or such evidence that we or Service Providers/Agents may require. Such payment can be made even when the form filled out by the Receiver contains minor errors. Neither we, Western Union nor Service Providers/Agents carry out a comparison of the "To Send Money" form against the "To Receive Money" form to verify the address given for the Receiver. The Receiver will be required to provide proof of identification by producing any legal identification acceptable in the respective receiving country, a test question answer (for South African countries only) or both to receive funds in cash. Test questions are not an additional security feature and cannot be used to time or delay the payment of a transaction and are prohibited in certain countries.
- 2.5 Applicable law prohibits money transmitters from doing business with certain individuals and countries. We and Western Union are required to screen all transactions against lists of names provided by the governments of the countries in which we do business, including the US Treasury Department's Office of Foreign Assets Control (OFAC) and the European Union. If a potential match is identified, We and Western Union may research the transaction to determine if the name matched is the individual on the relevant list. On occasion, customers are required to provide additional identification or information, delaying transactions. This is a legal requirement for all transactions processed by Western Union (inclusive of transfers that originate and terminate outside of the US).

3. SERVICE FEES

- 3.1 Written information explaining how we charge you for sending a Money Transfer will either be displayed prominently at our location or shown to you prior to completion of the payment order. Unless applicable law in the destination country requires otherwise, you will bear all fees for the Money Transfer. In certain cases, payment of a Money Transfer may be subject to local taxes and service charges. For information on fees and charges, please refer to www.maybank.com.

4. FOREIGN EXCHANGE

- 4.1 Money transfer payments will normally be made in the currency of the destination country (in some countries payment is available only in U.S. dollars or other alternate currency). In addition to the Service Fee applicable to each transfer and if the currency which you present to the receiving country's Service Provider/Agent is not the currency to be received by the Receiver, all currency is converted at Western Union's current exchange rate. The currency will be converted at the time of transfer and the Receiver will receive the foreign currency amount shown on the transaction form. In a few countries local regulations require the currency to be converted at the time the Receiver is paid, in which case the exchange rate and any amounts shown on the transaction form may be subject to exchange rate fluctuations between the time of transfer and the time the Receiver collects the funds. Western Union calculates its rate of exchange based on commercially available interbank rates plus a margin. Most rates of exchange are adjusted several times daily in line with the relevant closing rate of global financial markets. The exchange rate applied may be less favourable than some publicly reported commercial exchange rates used in transactions between banks and other financial institutions. Any difference between the currency exchange rate offered to customers and the currency exchange rate received by Western Union will be kept by Western Union (and, in some instances, Service Providers/Agents) and us in addition to Service Fees. Additional information about exchange rates for specific destination countries can be obtained by calling Western Union Customer Service line at 1800-81-3399 or at www.westernunion.com.
- 4.2 Sending and receiving in countries that provide payment in multiple currencies: you must select the currency of payment at the time the Money Transfer is sent. The Service Fee and the money we and Western Union (or Service Providers/Agents, mobile phone or account provider) makes when they change the funds into foreign currency may vary based upon the payment currency selected. In some countries it is possible to decide to receive the funds in a currency different from the one that you selected. Western Union (or Service Providers/Agents, mobile phone or account provider) may make additional money when your funds are converted into the currency selected by the Receiver.

5. GST

- 5.1 6% GST will be imposed for the Service Fee per transaction.

6. TRANSFER LIMIT

- 6.1 The daily transfer transaction limit for cash is as per below:
Individual: minimum RM1, up to RM10,000 per day.

7. SPECIAL SERVICES

- 7.1 SMS - Where available, Western Union offers free SMS notification to indicate that the transaction has been collected by the Receiver (for you) or that funds are available for

collection (for the Receiver). Charges applied by the service provider are the exclusive responsibility of the Sender or Receiver. If permitted by applicable law, the SMS will be sent to your and/or Receiver's mobile number that you has provided. Western Union will send SMS messages to a third party gateway for delivery. Western Union is not responsible for undelivered SMS or technical malfunctions that occur outside of its proprietary systems.

- 7.2 ACCOUNT BASED TRANSFERS -Where available, the Receiver may incur additional fees for receiving your funds through a mobile telephone or to a bank or other account based transfers provided by Service Provider/Agent in the respective receiving countries. Transfers should be sent to a local (Receiver) currency account, otherwise the receiving institution may convert the funds at its own exchange rate or reject the transaction. The Receiver's agreement with its mobile phone service, mobile wallet, bank or other account provider governs the account and determines their rights, liability, fees, funds availability and account limitations. In the event the account number provided (including mobile phone numbers for mobile accounts) does not belong to the named Receiver, the transfer will be credited to the account number provided by you. Neither Western Union or we accept responsibility to you or to any account holder for any fees, exchange rates used for conversion to non-local currency, acts or omissions of the destination or intermediary financial service providers.

8. CANCELLATION

- 8.1 You may request for a cancellation of the Money Transfer prior to the disbursement of the Money Transfer only. Any cancellation request after disbursement has been made will not be entertained.
- 8.2 You are required to ensure the Money Transfer details are correct before you proceed with the transaction. Money Transfer cancellation can only be performed via Maybank2u before 9.30PM on the same day when the transaction is made. There will be no refund of the Service Fee and GST. Only the principal amount will be refunded to the debited Maybank current or saving account within next working day.

9. REFUND

- 9.1 We will refund the principal amount of the Money Transfer (at the applicable exchange rate described herein in effect at the time the refund is made) upon your written request if payment to the Receiver is not made or credited within 45 days. Sender Fee refunds are made upon your written request if the Money Transfer is not available to the Receiver within the time specified for the selected service, subject to the business hours of, and availability of funds at, the location selected for payment and other conditions, including, without limitation, conditions beyond the control of Western Union or Service Provider/Agents, such as inclement weather or telecommunications failure. Service Fees are not refunded if the Money Transfer is stopped at your request. Payment of some money transfers may be delayed as a result of the application of United States or other

applicable laws. To the extent allowed by law, we may deduct an administrative charge from money transfers that are not picked up within one year of the send date.

10. LIABILITY

10.1 EXCEPT AS OTHERWISE EXPRESSLY STATED IN THESE TERMS AND CONDITIONS OF ACCESS AND TO THE EXTENT PERMITTED UNDER LAWS AND REGULATIONS (WHICH INCLUDES ANY GUIDELINES, CIRCULARS OR RULES ISSUED BY RELEVANT GOVERNING BODIES), NEITHER WE NOR WESTERN UNION SHALL IN ANY EVENT BE LIABLE FOR ANY LOSS OR DAMAGES HOWSOEVER ARISING WHETHER IN CONTRACT, TORT, NEGLIGENCE, STRICT LIABILITY OR ANY OTHER BASIS, INCLUDING WITHOUT LIMITATION ANY LOSS OF PROFITS, LOSS OF BUSINESS, LOSS OF USE, LOSS OF GOODWILL, LOSS OF SAVINGS, LOSS OF OPPORTUNITY, BUSINESS INTERRUPTION OR OTHER CONSEQUENTIAL, SPECIAL, INCIDENTAL, INDIRECT, EXEMPLARY OR PUNITIVE DAMAGES ARISING IN CONNECTION WITH YOUR ACCESS OR USE OR THE INABILITY TO ACCESS OR USE MAYBANK2U (OR ANY THIRD PARTY LINK TO OR FROM MAYBANK2U), RELIANCE ON THE INFORMATION CONTAINED IN MAYBANK2U, ANY TECHNICAL, HARDWARE OR SOFTWARE FAILURE OF ANY KIND, THE INTERRUPTION, ERROR, OMISSION, DELAY IN OPERATION, COMPUTER VIRUSES, OR OTHERWISE. NEITHER WE NOR WESTERN UNION GUARANTEE THE DELIVERY OR SUITABILITY OF ANY GOODS OR SERVICES PAID FOR BY MEANS OF A MONEY TRANSFER. YOUR MONEY TRANSFER DATA IS CONFIDENTIAL TO YOU AND SHOULD NOT BE SHARED WITH ANY OTHER PERSON OTHER THAN THE RECEIVER. YOU ARE CAUTIONED AGAINST SENDING MONEY TO ANY PERSON YOU DO NOT KNOW. IN NO EVENT SHALL WE, WESTERN UNION OR ANY SERVICE PROVIDERS/AGENTS BE LIABLE IF YOU COMMUNICATE MONEY TRANSFER DATA TO ANY PERSON OTHER THAN THE RECEIVER. IN NO EVENT SHALL WE, WESTERN UNION OR ANY SERVICE PROVIDERS/AGENTS BE LIABLE FOR DAMAGES FOR DELAY, NONPAYMENT OR UNDERPAYMENT OF THE MONEY TRANSFER, OR NON-DELIVERY OF ANY SUPPLEMENTAL MESSAGE, WHETHER CAUSED BY NEGLIGENCE ON THE PART OF THEIR EMPLOYEES OR AGENTS OR OTHERWISE, BEYOND THE SUM EQUIVALENT TO US\$500 (IN ADDITION TO REFUNDING THE PRINCIPAL AMOUNT OF THE MONEY TRANSFER AND THE SERVICE FEE). IN NO EVENT WILL WE, WESTERN UNION OR SERVICE PROVIDERS/AGENTS BE LIABLE FOR ANY INDIRECT, SPECIAL, INCIDENTAL, OR CONSEQUENTIAL DAMAGES. THE FOREGOING DISCLAIMER SHALL NOT LIMIT OUR, WESTERN UNION'S OR SERVICE PROVIDER'S/AGENT'S LIABILITY FOR DAMAGES RESULTING FROM OUR, WESTERN UNION'S OR SERVICE PROVIDER'S/AGENT'S GROSS NEGLIGENCE OR INTENTIONAL MISCONDUCT IN THOSE JURISDICTIONS WHERE SUCH A LIMITATION OF LIABILITY IS VOID. NEITHER WE NOR WESTERN UNION SHALL BE LIABLE TO YOU FOR ANY COSTS, EXPENSES, LOSSES OR DAMAGES WHATSOEVER ARISING FROM THE MONEY TRANSFER OR DISCLOSURE OF INFORMATION (AS DEFINED BELOW) WHETHER BY REASON OF ANY MISSTATEMENT, OMISSION, DELAY OR ANY OTHER MATTER IN CONNECTION THERETO WHATSOEVER.

We reserve the right to change these terms and conditions or the offered service by giving twenty one (21) days prior notice via such mode as we deemed appropriate. We, Western Union and Service Providers/Agents may refuse to provide service to any person based on reason(s) as deemed appropriate.

11. DATA PROTECTION

- 11.1 Your personal information is controlled by and processed by Maybank and Western Union under applicable laws. We use personal information you provide to us when using our products and services, as well as other information that is collected or generated during our relationship with you and information that are publicly available. This includes information from other services like money transfers, bill payments, loyalty or membership program details, previous use of our services history, and marketing choices. This information is used to provide you with the services you have asked for and for activities such as administration, customer service, anti-money laundering, compliance and legal duties, validate your details, to help us understand our consumers by doing analysis and research of the information we hold, to help prevent and detect fraud, debt and theft, to help us improve our products, services and operations, and, subject to your choices, send you commercial communications by email, telephone, post, SMS and by any other relevant channel.
- 11.2 Maybank and Western Union may use, collect from and share with other businesses that work with us, information from other products and services and convenience and/or rewards programs for which you have registered. This information may be used for any of the purposes in this section. We will hold and retain the information that you give us about another person including the details of the receiver of our services in order to execute the transaction. Prior to providing this information you are obliged to notify and secure authorisation from the other person on our use of this information as set out in this section. The provision of this information is optional information, but needed to execute the transaction and provide these services to you. Without it, Maybank and Western Union is unable to execute the money transfer or payment service, facilitate convenience activities or other requested services.
- 11.3 Maybank and Western Union may provide the information we hold to parties located in countries other than the country in which the information originally was collected or created, including to Western Union affiliates in the United States, for the purposes set out in this section. The categories of data transferred include personally identifiable information, contact details and information relating to the money transfer, transaction history, and any other information supplied by you. We may also provide the information to other organisations and authorised service providers, including those that help us run our business, if there is a reasonable need to do so, to carry out or aide the money transfer, future services, or for any of the reasons or uses set out in this section. We may add to information you provide with information from other businesses or individuals, including information to validate the accuracy of your information provided by you. Western Union (and global affiliates) and Maybank may disclose your personal information, including without limitation your name, customer ID number, address and bank account information, (i) if we are required to do so by domestic or foreign law or legal process or (ii) to law enforcement authorities or other government officials (including those in this country, the United States or elsewhere) for purposes such as detecting, investigating, prosecuting and preventing crimes, including money laundering and related criminal activity, and the recipients may further disclose the information for these and other related purposes.

- 11.4 The Information we hold may be accessed by Western Union, Maybank and our affiliates including any authorized third party services providers for any of the reasons set out in this section or for other purposes to which you have agreed.
- 11.5 You have a right to ask us to see and get a copy of your information for which we may charge a small fee. You can also correct, erase or limit our use of the information which is incomplete, inaccurate, or out-of-date. And you may object at any time on legitimate reasons to the use of your information, where the processing is not required to complete the service, or required by a law or regulation. You have a right to ask us to see and get a copy of your information for which we may charge a small fee. You can also correct, erase or limit our use of the information which is incomplete, inaccurate, or out-of-date. And you may object at any time on legitimate reasons to the use of your information, where the processing is not required to complete the service, or required by a law or regulation. If you wish to exercise these rights, please contact us or Western Union

12. DISPUTES AND ENQUIRIES

- 12.1 Our contract is with you, the Sender. We have no obligations to any other party including but not limited to the Receiver, such as a party you send funds on behalf of. If you have any enquiries or require any assistance, please refer to Western Union Customer Service line at 1800-81-3399 or Maybank Group Customer Care at 1300-88-6688 (local) or 603-78443696 (overseas). You are required to provide information such as name, amount sent in ringgit and MTCN when contacting us or Western Union.
- 12.2 The Maybank Western Union Money Transfer Service is provided by Maybank and supported outside of Malaysia by Western Union Financial Services, Inc., an American company (for commercial services transactions) and Western Union International Limited, an Irish company (for all other transactions), through a network of authorised Service Providers/Agents and representatives.

13. GENERAL

- 13.1 These terms and conditions shall be governed and construed in accordance with the laws of Malaysia and you agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
- 13.2 You agree that the M2U Online Banking Services Terms and Conditions should be read together with these Terms and Conditions.

Copyright 2016 WESTERN UNION HOLDINGS, INC. All Rights Reserved. Revised November 2016

PERKHIDMATAN PINDAHAN WANG MAYBANK WESTERN UNION® DISEDIAKAN ATAS SYARAT DAN PERATURAN BERIKUT

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN:

Dalam syarat dan peraturan yang berikut, selain daripada keperluan konteks, “kami”, “kita”, atau “Bank” merujuk kepada Malayan Banking Berhad dan Maybank Islamic Berhad. “Anda” atau “Pelanggan” adalah merujuk kepada pelanggan Bank yang menggunakan perkhidmatan pindahan wang Western Union ke Pembekal perkhidmatan/Ejen Western Union di luar Malaysia.

“Akaun Semasa” merujuk kepada mana-mana akaun semasa Maybank yang dikekalkan oleh Pengirim.

“Akaun Simpanan” merujuk kepada mana-mana akaun simpanan Maybank yang dikekalkan oleh Pengirim.

“Pembekal perkhidmatan/Ejen” merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan pindahan wang Western Union.

“Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)” merujuk kepada mana-mana cukai yang dibayar berdasarkan pembekalan barang, perkhidmatan atau lain-lain mengikuti peruntukan undang-undang *CBP*.

“Undang-undang *CBP*” merujuk kepada Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, pendaftaran subsidiari, perintah berkanun dan peraturan yang mengawal aplikasi *CBP*, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

“Tukaran Asing” merujuk kepada pembayaran pindahan wang yang dibuat dalam wang mata kebangsaan negara destinasi.

“Yuran Perkhidmatan” merujuk kepada yuran yang dikenakan oleh kami kepada anda untuk membuat Pindahan Wang.

“Pindahan Wang” merujuk kepada wang-wang yang dikirim oleh Pengirim ke Penerima melalui perkhidmatan Pindahan Wang Maybank Western Union®

“Pengirim” merujuk kepada anda, individu yang membuat permintaan Perkhidmatan Pindahan Wang Maybank Western Union untuk mengirim wang ke Penerima.

“Penerima” merujuk kepada individu yang ditetapkan oleh anda untuk menerima Pindahan Wang tersebut.

2. PERJANJIAN

2.1 Perjanjian ini adalah di antara anda dan kami, membekalkan perkhidmatan ini bersama WESTERN UNION (“Western Union”) untuk menyediakan Perkhidmatan MONEY TRANSFERSM MAYBANK WESTERN UNION® untuk anda.

2.2 Urus niaga Pindahan Wang Maybank Western Union® boleh dikirim dan dipungut dalam bentuk wang tunai (perkhidmatan “wang tunai ke wang tunai”) di Pembekal

Perkhidmatan/Ejen-ejen, pelanggan boleh menghubungi talian Perkhidmatan Pelanggan Western Union di 1800-81-3399 untuk mengetahui alamat dan waktu buka Pembekal perkhidmatan/Ejen-ejen. Lokasi tertentu adalah dibuka untuk 24 jam.

- 2.3 Pindahan Wang biasanya disediakan dalam beberapa minit untuk dipungut oleh Penerima, tertakluk kepada waktu buka Pembekal Perkhidmatan/Ejen yang menerima. Untuk urusan niaga yang melebihi had jumlah, sekatan kawal selia ataupun sekatan lain dalam negara-negara tertentu kemungkinan menyebabkan penangguhan dalam urusan niaga.
- 2.4 Pindahan Wang akan dibayar dalam bentuk wang tunai. Pembekal Perkhidmatan/Ejen-ejen boleh membayar dengan cek atau kombinasi wang tunai dengan cek ataupun Penerima boleh memilih cara-cara lain untuk menerima dana dan pindahan wang selain itu boleh dibayar terus ke dalam akaun. Semua pembayaran wang tunai adalah tertakluk pada ketersediaan, Penerima yang menunjuk bukti dokumen identiti mereka dan menyediakan semua butiran tentang pindahan wang yang diperlukan oleh Western Union, termasuk nama Pengirim dan Penerima, ID Penerima, negara asal, jumlah anggaran, *money transfer control number (MTCN)*, soalan pengesahan dan jawapan (untuk Afrika Selatan sahaja) dan syarat atau kehendak yang berkenaan di lokasi Pembekal Perkhidmatan/Ejen. Anda memberikan kuasa kepada Western Union untuk menghormati cara terpilih Penerima untuk menerima dana walaupun ia berbeza dengan cara terpilih anda. Pindahan wang tunai harus dibayar ke individu tersebut yang dianggap oleh Pembekal Perkhidmatan/Ejen-ejen layak untuk menerima urusan niaga mengikuti pengesahan identiti melalui pemeriksaan dokumen pengenalan ataupun mana-mana bukti yang diperlukan Pembekal Perkhidmatan/Ejen-ejen. Pembayaran boleh dibuat walaupun borang yang diisi mengandungi kesilapan kecil. Kami, Western Union serta Pembekal Perkhidmatan/Ejen-ejen tidak akan membandingkan borang “Pengiriman Wang” dengan borang “Menerima Wang” bagi mengesahkan alamat yang diberi untuk Penerima. Penerima harus menyediakan bukti identifikasi dengan menghasilkan pengenalan sah yang diterima di negara-negara tersebut, menjawab soalan pengesahan (untuk negara-negara Afrika Selatan sahaja) ataupun kedua-duanya untuk menerima dana tersebut dalam bentuk wang tunai. Soalan pengesahan bukan ciri keselamatan tambahan dan tidak boleh digunakan untuk menentukan ataupun menangguhkan pembayaran pindahan dan adalah dilarang di negara-negara tertentu.
- 2.5 Perundangan berkaitan melarang institusi mengirim wang daripada menjalankan bisnes dengan individu-individu dan negara-negara tertentu. Kami dan Western Union dikehendaki untuk menapis semua urusan niaga berdasarkan nama yang diberikan oleh kerajaan negara-negara di mana Western Union menjalankan perniagaan, termasuk Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat (OFAC) dan Kesatuan Eropah. Sekiranya padanan yang berpotensi telah dikenal pasti, kami serta Western Union mesti menyelidiki urusan niaga tersebut untuk menentukan sama ada individu yang dipadankan adalah individu dalam senarai berkaitan. Kadangkala, pelanggan dikehendaki memberi pengenalan atau maklumat tambahan. Oleh itu, urusan niaga tersebut akan mengalami penangguhan. Ini adalah keperluan undang-undang untuk semua urusan niaga yang diproses oleh Western Union (termasuk pindahan yang bermula dan tamat di luar Amerika Syarikat).

3. YURAN PERKHIDMATAN

- 3.1 Butiran tertulis menjelaskan tentang yuran yang kami kenakan untuk mengirim Pindahan Wang akan dipamerkan di lokasi kami atau ditunjukkan kepada anda sebelum selesai perintah pembayaran. Kecuali perundangan berkaitan di negara destinasi yang memerlukannya, anda akan menanggung semua yuran untuk urus niaga Pindahan Wang tersebut. Dalam kes-kes tertentu, pembayaran bagi urus niaga Pindahan Wang mungkin tertakluk kepada cukai tempatan dan caj perkhidmatan. Untuk butiran tentang yuran dan caj, sila merujuk kepada www.maybank.com.

4. TUKARAN ASING

- 4.1 Pembayaran pindahan wang biasanya dibayar dalam mata wang negara di mana wang tersebut dihantar (di sesetengah negara, bayaran boleh dibuat dalam Dolar AS atau mata wang yang lain). Selain yuran pindahan yang dikenakan bagi setiap urus niaga dan jika kadar tukaran terpilih anda bukan kadar tukaran yang akan diterima oleh penerima, semua tukaran asing akan ditukarkan berdasarkan kadar tukaran Western Union pada waktu tersebut. Mata wang akan ditukarkan pada waktu pindahan dan penerima akan menerima jumlah tukaran asing yang ditunjukkan pada borang urus niaga. Di beberapa negara, pengawalselia tempatan memerlukan pindahan wang ditukarkan hanya apabila ia dibayar di mana kadar tukaran serta jumlah yang dinyatakan pada borang urus niaga akan tertakluk kepada naik turun kadar tukaran antara waktu pindahan dan waktu penerima mengambil dana tersebut. Western Union mengira kadar tukaran berdasarkan kadar antara bank yang boleh didapati secara komersial ditambah dengan margin. Kebanyakan kadar tukaran diselaraskan beberapa kali sehari mengikuti kadar penutup pasaran kewangan global. Kadar tukaran kemungkinan kurang baik berbanding kadar pertukaran komersial umum yang digunakan dalam urus niaga antara bank ataupun institusi kewangan lain-lain. Perbezaan antara kadar tukaran wang yang ditawarkan kepada pelanggan dan kadar tukaran wang yang diterima Western Union akan disimpan oleh Western Union (dan, dalam keadaan tertentu, oleh Pembekal Perkhidmatan/Ejen-ejen) dan kami di samping yuran pindahan. Untuk butiran lanjut tentang kadar tukaran bagi negara destinasi tertentu, sila hubungi talian perkhidmatan pelanggan di 1800-81-3399 atau www.westernunion.com.
- 4.2 Penghantaran dan penerimaan wang dalam negara-negara yang menyediakan pembayaran dalam pelbagai mata wang: anda mesti memilih mata wang pembayaran ketika hendak mengirimkan wang. Yuran pindahan dan wang yang diperolehi Western Union (ataupun Pembekal Perkhidmatan/Ejen-ejen, pembekal telefon bimbit atau akaun) apabila dana ditukarkan kepada mata wang asing mungkin berubah berdasarkan mata wang yang dipilih. Di negara-negara tertentu, penerima boleh memilih untuk menerima dana berdasarkan mata wang yang berbeza daripada mata wang yang dipilih anda. Western Union (atau Pembekal Perkhidmatan/Ejen-ejen, pembekal telefon bimbit atau akaun) boleh memperoleh wang tambahan apabila dana anda ditukarkan kepada mata wang yang dipilih oleh Penerima.

5. CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

5.1 6% CBP akan dikenakan untuk Yuran Perkhidmatan bagi setiap urus niaga.

6. HAD PINDAHAN

6.1 Had urus niaga harian untuk wang tunai adalah seperti berikut:
Individu: minima RM1 ke RM10,000 sehari.

7. PERKHIDMATAN KHAS

7.1 SMS - Jika tersedia, Western Union menawarkan pemberitahuan SMS secara percuma untuk menunjukkan bahawa urus niaga tersebut telah diambil oleh penerima (untuk anda) ataupun dana sudah sedia untuk pungutan (untuk Penerima). Caj yang dikenakan pembekal perkhidmatan adalah tanggungjawab eksklusif Pengirim atau Penerima. Jika diizinkan oleh perundangan berkaitan, SMS tersebut akan dikirim kepada nombor telefon bimbit anda dan/atau Penerima yang telah dinyatakan. Western Union akan menghantar mesej SMS kepada get laluan pihak ketiga untuk penghantaran. Western Union tidak bertanggungjawab atas SMS yang tidak dihantar atau kerosakan teknikal yang berlaku di luar sistem proprietari kami.

7.2 PINDAHAN BERDASARKAN AKAUN - Jika tersedia, Penerima akan menanggung kos tambahan bagi menerima dana yang dikirim oleh anda melalui telefon bimbit, bank ataupun pindahan lain berdasarkan akaun bank yang dibekalkan oleh Pembekal Perkhidmatan/Ejen di negara yang menerima. Pindahan harus dikirim ke akaun (Penerima) mata wang tempatan. Jika tidak, insitutsi yang menerima mungkin harus menukarkan dana tersebut berdasarkan kadar tukarannya ataupun menolak urus niaga tersebut. Perjanjian antara Penerima dengan pembekal perkhidmatan telefon bimbit, dompet mobil, bank atau akaun lain berhak menentukan hak, liabiliti, kos, ketersediaan dana serta batasan akaun tersebut. Sekiranya nombor akaun yang disediakan (termasuk nombor telefon bimbit untuk akaun mobil) bukan milik Penerima yang dinamakan, pindahan tersebut akan dikreditkan ke nombor akaun yang disediakan oleh anda. Kami dan Western Union tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pemegang akaun untuk apa-apa yuran, kadar tukaran yang digunakan untuk penukaran kepada wang bukan tempatan, tindakan atau peninggalan daripada destinasi atau pembekal perkhidmatan kewangan perantara.

8. PEMBATALAN

8.1 Anda boleh meminta pembatalan untuk Pindahan Wang sebelum pembayaran Pindahan Wang sahaja. Apa-apa permintaan pembatalan selepas pembayaran telah dibuat tidak akan dilayani.

8.2 Anda dikehendaki untuk memastikan butiran Pindahan Wang anda betul sebelum meneruskan dengan urus niaga anda. Pembatalan Pindahan Wang hanya boleh dilakukan menerusi Maybank2u sebelum 9.30 malam pada hari yang sama urus niaga telah dibuat.

Tiada pembayaran balik Yuran Perkhidmatan dan *CBP*. Hanya jumlah prinsipal sahaja akan dibayar balik kepada akaun semasa atau simpanan yang telah didebitkan dalam masa sehari bekerja seterusnya.

9. PEMBAYARAN BALIK

- 9.1 Kami akan membayar balik jumlah prinsipal Pindahan Wang (pada kadar tukaran wang berkenaan yang diterangkan sewaktu pembayaran balik dilakukan) apabila diminta secara bertulis oleh anda jika pembayaran kepada Penerima tidak dilakukan atau dikreditkan dalam tempoh 45 hari. Pembayaran balik Yuran Pengirim akan dilakukan apabila diminta secara bertulis oleh anda jika Pindahan Wang tidak tersedia kepada Penerima dalam tempoh masa yang ditentukan untuk perkhidmatan yang dipilih, tertakluk kepada waktu perniagaan, dan ketersediaan dana di, lokasi terpilih untuk pembayaran and syarat-syarat lain, termasuk, tanpa had, syarat-syarat di luar kawalan Western Union atau Penyedia Perkhidmatan/Ejen, seperti cuaca buruk atau kegagalan telekomunikasi. Yuran Perkhidmatan tidak akan dibayar balik jika Pindahan Wang dihentikan atas permintaan anda. Pembayaran bagi sesetengah pindahan wang mungkin terlewat berikutan penggunaan undang-undang Amerika Syarikat atau undang-undang lain yang diterima pakai. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami boleh menolak sesuatu caj pentadbiran daripada pindahan wang yang tidak dipungut dalam tempoh satu tahun dari tarikh pengiriman.

10. LIABILITI

- 10.1 KECUALI SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DALAM TERMA DAN SYARAT AKSES DAN SETAKAT YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG DAN PENGAWALAN TERMASUK MANA-MANA GARIS PANDUAN, PEKELILING ATAU PERATURAN YANG DIKELUARKAN OLEH BADAN MEMERINTAH BERKAITAN), KAMI DAN WESTERN UNION TIDAK AKAN SAMA SEKALI BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS APA-APA KERUGIAN ATAU KEROSAKAN YANG TIMBUL DALAM KONTRAK, TORT, KECUAIAN, LIABILITI KETAT ATAU SEBARANG ASAS LAIN, TERMASUK TANPA HAD APA-APA KEHILANGAN KEUNTUNGAN, KEHILANGAN PERNIAGAAN, KEHILANGAN PENGGUNAAN, KEHILANGAN MUHIBAH, KEHILANGAN SIMPANAN, KEHILANGAN PELUANG, GANGGUAN PERNIAGAAN ATAU TURUTAN LAIN, ISTIMEWA, SAMPINGAN, TIDAK LANGSUNG, TELADAN ATAU GANTI RUGI PUNITIF YANG TIMBUL BERKAITAN DENGAN AKSES ATAU KEGUNAAN ATAU KEGAGALAN AKSES ATAU KEGUNAAN MAYBANK2U (ATAU MANA-MANA PENGHUBUNG PIHAK KETIGA KEPADA ATAU DARI MAYBANK2U), PERGANTUNGAN KEPADA MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM MAYBANK2U, MANA-MANA KEGAGALAN TEKNIKAL, PERKAKASAN ATAU PERISIAN. GANGGUAN, RALAT, KETINGGALAN, KELEWATAN OPERASI, VIRUS KOMPUTER, ATAU SEBALIKNYA. KAMI DAN WESTERN UNION TIDAK MENJAMIN PENGHANTARAN ATAU KESESUAIAN MANA-MANA BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBAYAR MELALUI PINDAHAN WANG. DATA PINDAHAN WANG ANDA ADALAH SULIT KEPADA ANDA DAN TIDAK HARUS DIKONGSIKAN DENGAN SESIAPA MELAINKAN PENERIMA SAHAJA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK TIDAK MENGIRIM WANG KEPADA SESIAPA YANG ANDA TIDAK KENALI. KAMI, WESTERN UNION ATAU MANA-MANA PEMBEKAL PERKHIDMATAN/EJEN TIDAK AKAN SAMA SEKALI BERTANGGUNGJAWAB JIKA ANDA MENDEDAHKAN DATA PINDAHAN

WANG KEPADA SESIAPA SELAIN PENERIMA. KAMI, WESTERN UNION ATAU MANA-MANA PEMBEKAL PERKHIDMATAN/EJEN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP GANTI RUGI DISEBABKAN KELEWATAN, KETIADAAN PEMBAYARAN ATAU PINDAHAN WANG TERKURANG BAYAR, ATAU TIDAK MENGIRIM APA-APA MESEJ TAMBAHAN, YANG SAMA ADA DISEBABKAN KECUAIAN DI PIHAK KAKITANGAN ATAU EJEN ATAU SEBALIKNYA, MELEBIHI JUMLAH BERSAMAAN US\$500 (SELAIN PEMBAYARAN BALIK JUMLAH PRINSIPAL PINDAHAN WANG DAN YURAN PERKHIDMATAN). KAMI, WESTERN UNION ATAU PEMBEKAL PERKHIDMATAN/EJEN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS MANA-MANA GANTI RUGI TIDAK LANGSUNG, KHAS, BERKAITAN ATAU BERBANGKIT. PENAFIAN DI ATAS TIDAK AKAN MENGHADKAN TANGGUNGJAWAB KAMI, WESTERN UNION ATAU PEMBEKAL PERKHIDMATAN/EJEN BAGI GANTI RUGI YANG DISEBABKAN OLEH KECUAIAN ATAU SALAH LAKU SENGAJA KAMI, WESTERN UNION ATAU PEMBEKAL PERKHIDMATAN/EJEN DALAM BIDANG KUASA DI MANA BATASAN TANGGUNGJAWAB TERSEBUT TERBATAL. KAMI DAN WESTERN UNION TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA APA-APA KOS, PERBELANJAAN, KERUGIAN ATAU GANTI RUGI ANDA YANG TIMBUL DARIPADA PINDAHAN WANG ATAU PENDEDAHAN MAKLUMAT (SEPERTI YANG DITERANGKAN DI BAWAH) SAMA ADA DENGAN ALASAN APA-APA KESALAHAN KENYATAAN, KETINGGALAN, KELEWATAN ATAU APA-APA PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA APAPUN.

Kami berhak untuk meminda terma dan syarat atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan memberi dua puluh satu hari (21) notis terlebih dahulu melalui kaedah yang kami anggap sesuai. Kami, Western Union dan Pembekal Perkhidmatan/Ejen boleh menolak untuk memberikan perkhidmatan kepada sesiapa sahaja berdasarkan sebab yang dianggap munasabah.

11. PERLINDUNGAN DATA

- 11.1 Maklumat peribadi anda dikawal oleh dan diproses oleh Maybank dan Western Union di bawah perundangan yang berkaitan. Kami menggunakan maklumat peribadi yang anda bekalkan kepada kami semasa menggunakan produk atau perkhidmatan kami, serta maklumat lain yang dikumpulkan atau dijana semasa hubungan kami dengan anda dan maklumat yang tersedia secara umum. Ini termasuk maklumat daripada perkhidmatan lain seperti pindahan wang, pembayaran bil, butiran program kesetiaan atau keahlian, sejarah penggunaan perkhidmatan kami yang terdahulu, dan pilihan pemasaran. Maklumat ini digunakan untuk menyediakan anda dengan perkhidmatan yang telah diminta dan aktiviti-aktiviti seperti pentadbiran, khidmat pelanggan, pencegahan wang haram, pematuhan serta tanggungjawab undang-undang, mengesahkan butiran anda, untuk membantu kami memahami pengguna kami dengan melakukan analisa dan kajian terhadap maklumat yang kami ada, untuk membantu menghalang dan mengesan penipuan, hutang dan kecurian, untuk membantu kami memperbaiki produk, perkhidmatan dan operasi, dan, tertakluk kepada pilihan anda, menghantar komunikasi komersial melalui emel, telefon, pos, SMS dan melalui mana-mana saluran relevan lain kepada anda.
- 11.2 Maybank dan Western Union boleh menggunakan, mengumpul dari dan berkongsi dengan perniagaan lain yang bekerja dengan kami, maklumat daripada produk serta perkhidmatan lain dan program kesenangan dan/atau ganjaran, yang anda telah

daftarkan. Maklumat ini boleh digunakan untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam bahagian ini. Kami akan memegang dan menahan maklumat yang anda berikan kepada kami tentang seseorang lain termasuk maklumat penerima perkhidmatan kami bagi melaksanakan urusan tersebut. Sebelum memberikan maklumat ini anda diwajibkan untuk memberitahu dan meminta kebenaran dari orang lain tersebut tentang penggunaan maklumat ini oleh kami seperti yang tersedia dalam bahagian ini. Peruntukan maklumat ini adalah maklumat pilihan, tetapi diperlukan untuk melaksanakan urusan tersebut dan menyediakan perkhidmatan ini kepada anda. Tanpa ia, Maybank dan Western Union tidak akan dapat melaksanakan pindahan wang atau pembayaran perkhidmatan, memudahkan aktiviti kemudahan atau perkhidmatan lain yang diminta.

- 11.3 Maybank dan Western Union boleh menyediakan maklumat yang kami punyai kepada pihak-pihak yang terletak di negara selain negara di mana maklumat tersebut asalnya telah dikumpul atau dihasilkan, termasuk sekutu Western Union di Amerika Syarikat, untuk tujuan menyatakan kenyataan ini. Kategori data yang dipindahkan termasuk maklumat peribadi, butiran perhubungan dan maklumat berkaitan pindahan wang, sejarah urusan, dan mana-mana maklumat yang dibekalkan oleh anda. Kami juga menyediakan maklumat tersebut kepada organisasi lain dan pembekal perkhidmatan yang dibenarkan, termasuk mereka yang membantu kami menjalankan perniagaan kami, jika terdapat keperluan munasabah untuk melakukan sedemikian, untuk menjalankan atau membantu pindahan wang, perkhidmatan masa depan, atau untuk mana-mana tujuan atau penggunaan yang dinyatakan dalam bahagian ini. Kami boleh menambah kepada maklumat yang anda sediakan kepada kami dengan maklumat daripada perniagaan atau individu lain, termasuk maklumat untuk mengesahkan ketepatan maklumat yang diberikan oleh anda. Western Union (dan sekutu global) dan Maybank boleh mendedahkan maklumat peribadi anda, termasuk tanpa had nama anda, nombor ID pelanggan, alamat dan maklumat akaun bank, (i) jika kami diperlukan untuk melakukan sedemikian oleh undang-undang tempatan atau undang-undang asing atau proses undang-undang atau (ii) kepada pihak penguatkuasaan undang-undang atau pegawai kerajaan lain (termasuk yang berada di dalam negara ini, Amerika Syarikat atau tempat lain) bagi tujuan mengesan, menyiasat, mendakwa dan mencegah jenayah, termasuk pencegahan wang haram dan aktiviti jenayah yang berkaitan, dan penerima-penerima selanjutnya boleh mendedahkan maklumat tersebut bagi tujuan-tujuan ini dan tujuan lain yang berkaitan.
- 11.4 Maklumat yang kami punyai boleh diakses oleh Western Union, Maybank dan sekutu kami termasuk mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam bahagian ini atau bagi tujuan lain yang telah dipersetujui oleh anda.
- 11.5 Anda berhak untuk meminta untuk melihat dan mendapatkan salinan maklumat anda di mana kami boleh mengenakan caj yang kecil. Anda juga boleh membetulkan, memadam atau menghadkan penggunaan maklumat yang tidak lengkap, tidak tepat atau luput. Dan anda juga boleh membantah pada bila-bila masa atas sebab yang sah tentang kegunaan maklumat anda, di mana pemprosesan tidak diperlukan untuk menyelesaikan perkhidmatan tersebut, atau diperlukan oleh undang-undang atau peraturan. Jika anda ingin menggunakan hak-hak ini, sila hubungi kami atau Western Union.

12. PERTIKAIAN DAN PERTANYAAN

12.1 Kontak kami adalah dengan anda, Pengirim. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak termasuk tetapi tidak terhad kepada Penerima, seperti pihak di mana pengirim mengirim dana bagi pihaknya. Jika anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan pertolongan, sila rujuk kepada talian Perkhidmatan Pelanggan Western Union di 1800-81-3399 atau Maybank *Group Customer Care* di 1300-88-6688 (tempatan) atau 603-7844 3696 (luar negara). Anda dikehendaki untuk menyediakan maklumat seperti nama, jumlah yang dihantar dalam ringgit dan *MTCN* semasa menghubungi kami atau Western Union.

12.2 Perkhidmatan Maybank Western Union Money Transfer disediakan oleh Maybank dan disokong di luar Malaysia oleh Western Union Financial Services, Inc., sebuah syarikat Amerika Syarikat (untuk urus niaga perkhidmatan komersial) dan Western Union International Limited, sebuah syarikat Irish (bagi semua urus niaga lain), melalui rangkaian Pembekal Perkhidmatan/Ejen dan wakil-wakil yang dibenarkan.

13. UMUM

13.1 Terma dan syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan anda setuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

13.2 Anda setuju bahawa Terma dan Syarat *M2U Online Banking Services* harus dibaca bersama dengan Terma dan Syarat yang ada.

Hak cipta 2016 WESTERN UNION HOLDINGS, INC. Hak cipta terpelihara. Semakan November 2016.